

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR@ YUSRE  
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

**SOALAN**

**DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR@YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]** minta **PERDANA MENTERI** memberikan penjelasan rasional projek-projek kecil infrastruktur yang telah dipohon oleh ahli Parlimen dan diluluskan di bawah Peruntukan Mesra Rakyat dibatalkan apabila berlaku pertukaran Kerajaan.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek-projek kecil infrastruktur di bawah Projek Mesra Rakyat (PMR) yang telah diluluskan dan telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) atau inden kerja adalah diteruskan. Bagi projek-projek yang belum dikeluarkan SST atau inden kerja, projek-projek tersebut dibatalkan kerana peruntukan sedia ada bagi tujuan ini adalah terhad.

Sekian, terima kasih.